

# NIOSH sedia geran latihan PKS

BH 29.4.2014 12

» Program bantu syarikat utamakan keselamatan di tempat kerja

Oleh Mohd Nazlie Zainul  
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menyediakan geran latihan bernilai RM440,000 kepada pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Sabah sepanjang tahun ini.

Ini adalah inisiatif Kementerian Sumber Manusia bagi membantu syarikat PKS memastikan tahap keselamatan di tempat kerja berada pada tahap terbaik, selain menjamin keselamatan pekerja.

Pengurus Wilayah NIOSH Sabah dan Labuan, Mohd Husin Abdul Salam, berkata majoriti pengusaha PKS mempunyai kekangan kewangan yang menyebabkan mereka tidak mematuhi peruntukan undang-undang mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA1994).

## Ramai sertai

"Kita harap lebih ramai pengusaha PKS mengikuti program latihan disediakan NIOSH tahun ini kerana mengikut la-



Siringan diiringi Mohd Harun (dua dari kiri) melihat kasut keselamatan antara produk dipamerkan selepas merasmikan Majlis **Sambutan Hari OSH Sedunia** peringkat Sabah, di UMS.

[FOTO IZHARI ARIFFIN/BH]

poran 2013, hanya 20 peratus peruntukan geran latihan digunakan dan ia menunjukkan kurangnya pembabitian pengusaha PKS di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Sambutan Hari OSH Sedunia peringkat Sabah yang dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat negeri, Datuk Siringan Gubat di sini, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Mohd

Harun Abdullah.

Sambutan dianjurkan bersama oleh UMS, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan NIOSH Sabah.

## Laporan audit JKKP

Sementara itu, Siringan berkata, laporan audit JKKP sejak Januari lalu ke atas sektor pendidikan mendapati kebanyakan daripada 32 tempat kerja yang diaudit mendapat Gred D dan E.

"Pencapaian ini kurang memuaskan dari segi taksiran ri-

siko kepada kesihatan, daftar bahan kimia berbahaya, pelabelan, latihan dan maklumat serta penyimpanan rekod," katanya.

Beliau berkata, pengurusan bahan kimia tidak terhad kepada industri tetapi banyak digunakan dalam sektor pendidikan, terutama di makmal sekolah dan institusi pendidikan.

"Justeru, kesedaran berhubung bahaya pendedahan terhadap bahan kimia kepada kesihatan perlu diterapkan di peringkat awal pendidikan," katanya.